

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 2021

MAKLUMAN MENGENAI KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN PEMBATALAN STATUS KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) DI NEGERI KELANTAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan dan Yang Dipertua Majlis Daerah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 21 Oktober 2020 bagi Kali Ke 22/2020 Di Bawah Perkara Lain (3) berhubung dengan pembatalan status Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Negeri Kelantan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju supaya PLANMalaysia Negeri Kelantan mengemukakan kertas cadangan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri dan mengambil segala tindakan yang wajar bagi membuat pindaan kepada Rancangan Tempatan supaya kawasan yang diwartakan sebagai KSAS hanya terhad kepada kawasan punca / tadahan air sahaja.
3. Dalam tempoh PLANMalaysia menguruskan pewartaan semula KSAS ini, PLANMalaysia bersetuju untuk mengunapakai peruntukan Akta 172 bagi memberi kelulusan terhad kepada mana-mana permohonan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang melibatkan kawasan Hutan Simpan Kekal. Ini adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Perancangan Negeri ke 76 Bil. 1/2019 pada 11 Mac 2019 yang bersetuju bagi apa-apa aktiviti pemajuan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bercanggah dengan peta pemajuan tersebut mempunyai apa-apa kepentingan kepada Kerajaan Negeri, maka gunatanah aktiviti pemajuan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa tersebut adalah dianggap sebagai peta gunatanah dan kelas kegunaan yang terkini yang diterima pakai.
4. Isu Zoning yang menghalang kelulusan Laporan EIA adalah tidak berbangkit kerana selepas daripada pewartaan, kawasan-kawasan ini masih kekal sebagai Hutan Simpan Kekal cuma ianya tidak lagi diklasifikasikan sebagai KSAS.

5. Sehubungan dengan itu, PLANMalaysia Negeri Kelantan dan jabatan-jabatan yang terlibat hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan tersebut dan arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan dan Yang Dipertua Majlis Daerah.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah PLANMalaysia Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
12. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
13. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.4/1/14 Sj.1 Jld.3 (38)
BERTARIKH : 17 MUHARRAM 1443H
26 OGOS 2021**